

## PEMERKASAAN TADBIR URUS WAKAF PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA<sup>1</sup>

Zakaria Bahari<sup>2</sup>

Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor<sup>3</sup>

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Universiti Sains Malaysia

11800 Minden, Pulau Pinang

E-mel: [shaifful\\_87@yahoo.com](mailto:shaifful_87@yahoo.com)

### ABSTRAK

Pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia telahpun dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia. Wakaf pendidikan tinggi (WPT) ini telah menjadi salah satu petunjuk prestasi utama (KPI) kepada IPT di Malaysia. Namun demikian dalam usaha untuk menjayakan perlaksanaan WKP, perlu dilihat juga kedudukan tadbir urusnya. Tadbir urus yang baik akan menyebabkan pengurusan dan pentadbiran WPT dapat berjalan dengan berkesan dan sistematis. Walaupun perkembangan pelaksanaannya masih baru namun bolehlah diteliti tadbir urus pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini kerana urus tadbir memainkan peranan yang penting dalam pengurusan dan pentadbiran wakaf pendidikan tinggi ini yang baik dan cekap. Apakah elemen-elemen yang penting dalam mempengaruhi perjalanan tadbir urus dan bagaimanakah ia dilaksanakan untuk pemerkasaan WPT. Berlatar-belakangkan kepada senario tersebut, makalah ini ditulis dengan bermatlamat untuk mengenal pasti pelaksanaan tadbir urus wakaf pendidikan tinggi di IPT yang terlibat dan merumuskan kaedah pemerkasaan yang bersesuaian agar pelaksanaannya lebih efektif dan produktif. Kajian ini berbentuk penerokaan dan deskriptif serta data yang diperoleh adalah daripada kajian dokumen serta temu bual mendalam informan wakaf yang terlibat dengan penglibatan wakaf pendidikan tinggi. Justeru, dapatan kajian ini menemukan tadbir urus memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi dalam sesuatu IPT. Elemen seperti pentadbiran wakaf, perundangan wakaf, pelaporan wakaf dan penyertaan orang yang berkepentingan dapat memperkasakan lagi tadbir urus wakaf pendidikan tinggi di institusi pendidikan tinggi di Malaysia dengan sistematis dan berkesan. Hasil penemuan makalah ini seharusnya memberi implikasi terhadap pihak yang terlibat secara langsung iaitu pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), KPT, IPT dan terutamanya masyarakat yang ini mengetahui lebih jelas mengenai tadbir urus pelaksanaan dan perkembangan wakaf pendidikan tinggi di sesuatu IPT yang terlibat.

Kata Kunci: *Pemerkasaan, Tadbir Urus, Wakaf Pendidikan Tinggi Malaysia, Pentadbiran, Perundangan, Pelaporan, Penyertaan*

<sup>1</sup>Makalah yang dibentang di International Conference on Social, Political, Governmental & Communication Sciences (ICSPGCS) 2017 di Ahmad Zahuri Hall, Universitas Muhammadiyah Jember, Jl. Karimata 49 Jember, Jawa Timur, Republik Indonesia.

<sup>2</sup> Zakaria Bahari ialah Pengarah dan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

<sup>3</sup>Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor ialah calon Doktor Falsafah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

## PENGENALAN

Pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi di Universiti Awam (UA) Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia semakin bertambah atas dorongan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia. Pihak KPT telah memperkenalkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi meningkatkan penjanaan pendapatan dan memperkenalkan beberapa strategi serta inisiatif keberhasilan utama di bawah lonjakan lima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM) Pendidikan Tinggi (PT) kemapanan kewangan kepada pihak IPT dan menjadikan wakaf sebagai salah satu KPI dan strategi tersebut (Idris Jusoh, 2016). Wakaf dilihat menjadi salah satu sumber pendanaan alternatif kepada pihak IPT dan telah menjadi keperluan setiap universiti untuk menubuhkan tabung wakaf bagi menjana pendapatan universiti memandangkan keadaan ekonomi global dan negara yang agak tidak memberangsangkan. Oleh itu, beberapa pihak universiti seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Kolej Islam Darul Ulum (KIDU), Kolej Universiti Bestari (UCB) dan IPT lain telah melaksanakan tabung wakaf pendidikan tinggi ini.

Walau bagaimanapun, tadbir urus wakaf masih belum dapat dimaksimumkan kerana masih wujudnya permasalahan seperti kekurangan kepakaran dalam sumber manusia (Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli & Roslina Hashim, 2015), ketidakseragaman undang-undang (Zakaria Bahari, 2012), masih tiada kaedah pelaporan yang standard dan kurangnya penyertaan dalam pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi. Berlatar-belakangkan senario tersebut, kajian ini dilakukan dengan matlamat untuk mengenal pasti kaedah pemerkasaan tadbir urus wakaf pendidikan tinggi di Malaysia.

Kertas kerja ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu perkembangan tadbir urus wakaf pendidikan tinggi dan analisis tadbir urus wakaf pendidikan tinggi. Justeru itu, perbincangan dalam kertas kerja ini bermula dengan perbincangan berkaitan perkembangan wakaf pendidikan tinggi Malaysia. Seterusnya membincangkan mengenai sorotan karya tadbir urus wakaf pendidikan tinggi Malaysia. Kemudiannya, perbincangan mengenai metodologi kajian dan akhirnya membincangkan berkaitan analisis pakar berkaitan tadbir urus wakaf pendidikan tinggi Malaysia.

## PERKEMBANGAN WAKAF PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Pelaksanaan wakaf<sup>4</sup> merupakan salah satu amalan kebaikan yang dilaksanakan dengan tujuan untuk mendapatkan pahala yang berterusan selama harta yang diwakafkan itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam tempoh yang tertentu mahupun selama-lamanya. Wakaf juga dilihat berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan di samping memperkuatkan keupayaan individu dan masyarakat yang memerlukan bantuan asas seperti modal pinjaman, rawatan hospital, makanan berkhasiat, keperluan infrastruktur dan sebagainya (Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid. (2014).

---

<sup>4</sup>Wakaf secara umumnya merujuk kepada salah satu cara kaedah pengagihan harta yang diberikan kepada pihak tertentu dengan niat yang tertentu dan untuk dimanfaatkan secara berterusan. Dengan kata lain, wakaf adalah menahan harta baik secara kekal mahupun sementara untuk dimanfaatkan secara langsung mahupun tidak langsung dan diambil manfaat secara berulang-ulang di jalan kebaikan umum mahupun khas (Monzer Khaf, 1998).

Pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi<sup>5</sup> di Malaysia semakin menarik dengan terlibatnya pihak universiti tertentu yang mengambil inisiatif dalam melaksanakan wakaf untuk tujuan pembangunan pendidikan pelajar dan pengurusan di institusi masing-masing. Perkembangan awal wakaf pendidikan di Malaysia ini telah wujud dalam pelbagai bentuk seperti biasiswa, bantuan kewangan, bangunan asrama pelajar dan alat-alat pembelajaran seperti meja, buku dan lain-lain (Ahmad Zaki Abdul Latiff, Che Zuina Ismail & Norzaida Mohd Daud, 2006). Perkembangan ini adalah bertepatan dengan beberapa kajian yang mendapati pembiayaan pendidikan melalui instrumen wakaf dapat mengurangkan masalah keciciran dan ketinggalan anak-anak bangsa yang tidak dapat meneruskan pengajian atas alasan kemiskinan (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini turut juga berlaku dalam bentuk pemberian tanah wakaf sebagai contoh tertubuhnya universiti yang berdasarkan tanah wakaf seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Maktab Mahmud di Alor Setar Kedah dan Akademi Kulinari Terengganu yang telah didirikan atas tanah wakaf yang disumbangkan oleh pihak tertentu (Khoo, 1980; Mokhtar Ismail, Mohd. Isa Mohd. Deni, Muna Sulaiman & Hairullfazli Muhammad Som, 2015). Di samping itu, terdapat juga universiti yang telah didirikan berdasarkan pembiayaan yayasan seperti Universiti Antarabangsa Albukhari (AIU) yang telah ditubuhkan pada tahun 1996 oleh Tan Sri Syed Mokhtar Albukhari dan pihak pentadbiran universiti ini juga tidak mengenakan sebarang yuran kepada pelajarnya kerana segala kos pengajian termasuklah kos makanan dan penginapan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Yayasan Albukhari (Muhammad Husni Hasbulah, Mohd Zaidi Daud & Mohammad Taqiuddin Mohamad, 2015)<sup>6</sup>.

Selain itu, terdapat juga institusi pendidikan tinggi yang menuju tabung wakaf. Antaranya adalah seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Dana Waqaf dan Endowment UKM pada tahun 2010 (Laman Web UKM, 2015), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Dana Wakaf Ilmu UPM pada tahun 2012 (Laman Web UPM, 2015), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2013 dengan Dana Wakaf Al-Abrar (Laman Web USIM, 2015) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Wakaf Pendidikan ISDEV pada tahun 2014 (Laman Web USM, 2016). Penubuhan dana wakaf di institusi terbabit secara umumnya bertujuan untuk menerima aset, wang tunai, saham dan aset-aset kewangan dalam negara dan luar negara yang akan digunakan untuk membiayai biasiswa, kewanga, pinjaman dan urusan pengembangan dana seperti aktiviti pelaburan (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014). Oleh itu, perkembangan ini menarik untuk dikaji dengan lebih lagi agar menjadi manfaat kepada semua pihak terutamanya masyarakat umum.

## TADBIR URUS WAKAF PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Tadbir urus merupakan salah satu perkara tunjang dalam memastikan pelaksanaan sesuatu perancangan dapat dijayakan dengan sistematik dan dapat mencapai objektif sesuatu organisasi yang telah ditetapkan. Dari segi tadbir urus, wakaf perlulah dibangunkan dan dikembangkan segala fungsi,

---

<sup>5</sup> Wakaf pendidikan dapat definisikan sebagai suatu harta, barang, aset atau tunai yang diberikan kepada sektor pendidikan atau sesbuah institusi pendidikan secara berterusan atau tidak demi kepentingan dan manfaat awam (Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid, 2014). Oleh itu, dapatlah kita fahami wakaf pendidikan tinggi ini merujuk kepada wakaf pelbagai bentuk yang diterima untuk kegunaan sesbuah institusi pengajian tinggi (IPT) dengan tujuan meninggikan taraf pendidikan dan untuk mendapat keredaan Allah SWT.

<sup>6</sup> Walaupun begitu, pentadbiran AIU ditutup sementara kerana mempunyai masalah pengurusan dan pentadbiran.

produk (mawquf) dan kepentingannya bagi meningkatkan taraf hidup umat Islam (Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md. Ariffin & Muhammad Ikhlas Rosele, 2013). Perkara tadbir urus wakaf ini penting kerana ia merangkumi aspek kecukupan kakitangan serta keahlian kakitangan dalam pengurusan, kefahaman pengurusnya berkaitan wakaf, kemudahan dalam pengurusan seperti penggunaan teknologi terkini, penyimpanan data mengenai wakaf, pelaporan perkembangan harta wakaf dan sebagainya (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Di samping itu, pelaksanaan wakaf di Malaysia adalah terletak di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pihak berkuasa tunggal di negeri masing-masing (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1999). Ini adalah kerana menurut Hasliza Talib, Nazneen Ismail dan Nurzatil Ismah Azizan (2014), wakaf di Malaysia termasuk di bawah Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu di bawah bidang kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri serta dikecualikan daripada peruntukan Kanun Tanah Negara. Berdasarkan kepada perkara tersebut, Siti Mashitoh Mahamood (2006) menyatakan setiap MAIN bertanggungjawab menguruskan harta wakaf yang telah didaftarkan di negeri masing-masing, sama ada wakaf am atau wakaf khas yang meliputi harta wakaf alih dan tidak alih serta dalam masa yang sama MAIN bertindak sebagai pemegang amanah tunggal kepada harta wakaf tersebut. Selain itu, konteks tadbir urus wakaf ini melibatkan dua peringkat pengurusan (Nor 'Azzah Kamri, Suhaili Sarif, Nik Azimah Nik Li & Siti Mashitoh Mahamood, 2014). Peringkat pertama meliputi perancangan dalam melihat bagaimana harta wakaf boleh dirancang, dikembangkan serta menghasilkan kemanfaatan kepada masyarakat. Peringkat kedua pula, pihak pengurusan lebih menumpukan kepada amalan pengurusan harta wakaf tersebut. Menurut beliau lagi, dalam konteks tadbir urus wakaf pendidikan tinggi pula, IPT berperanan sebagai *mutawalli* serta pihak penerima wakaf dan pelantikan ini akan dilakukan oleh pihak MAIN. Oleh itu, IPT tersebut mempunyai peranan dalam pengurusan dan pembangunan dana tersebut di samping pihak IPT juga boleh melantik badan korporat untuk membantu pengurusan tersebut dan membuat pemantauan agar perjalanan wakaf tersebut mengikut apa yang telah diniatkan pewakaf.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa permasalahan yang timbul dalam tadbir urus wakaf ini. Menurut Marziana Abd Malib, Ruzian Markom & Rusnadewi Abd Rashid (2015), wujudnya ketidakseragaman pentadbiran dan ini akan menimbulkan konflik bagi menguruskan harta wakaf kerana masalah ini berpunca daripada maklumat harta wakaf yang tidak dikemas kini serta unit pentadbiran yang tidak seragam. Perkara ini turut dinyatakan oleh Abdul Halim Sunny (2005), ketidakseragaman ini akan menyumbang kepada kelemahan sistem pengurusan wakaf di setiap negeri. Sokongan kenyataan ini boleh didapati dalam kajian Zakaria Bahari (2012) yang menyatakan undang-undang yang tidak seragam di antara MAIN telah menyebabkan perbezaan dari aspek pemahaman, tafsiran, tatacara, hukum dan pengeluaran fatwa. Perbezaan ini akan menghalang penjanaan dana dan pembangunan wakaf kerana tidak mempunyai tafsiran dan pemahaman yang sama.

Bagi Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli dan Roslina Hashim (2015) pula, mereka berpendapat walaupun terdapat aset wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, masalah sumber manusia dan kekurangan tenaga pakar sering menjadi cabaran dalam tadbir urus wakaf di Malaysia. Rohayati Hussin dan Rusnadewi Abd Rashid (2015) turut menambah, kakitangan MAIN telah dibebankan dengan pelbagai tugas lain dan ini akan mengakibatkan tiadanya pengkhususan kepada pembangunan wakaf terutama dalam wakaf pendidikan tinggi. Selain itu menurut Zakaria Bahari (2013), wujudnya kekangan pentadbiran antara pihak universiti dengan pihak MAIN dalam keperluan pihak universiti memohon sebagai *mutawalli* harta wakaf tersebut dan ini akan menyebabkan kebebasan serta kemajuan wakaf tersebut kurang menggalakkan.

Dengan wujudnya permasalahan yang timbul, maka terdapat sarjana yang mengambil inisiatif dan cadangan bagi menangani permasalahan ini. Pendapat ini diberikan oleh sarjana seperti Suhaili Sarif, Nor 'Azzah Kamri, Siti Mashitoh Mahamood dan Muhamad Zaid Suhaimi (2015) yang menyatakan institusi wakaf seharusnya mempunyai empat ciri tadbir urus wakaf iaitu berakauntabiliti, penyertaan, ketelusan dan efisien. Manakala pendapat Abdul Halim Sunny (2007) pula mencadangkan pengurusan wakaf oleh badan korporat dan profesional lebih baik daripada individu *mutawalli*. Ini kerana penyelarasan kakitangan yang berintegriti, cekap dan berkualiti dapat menambah hasil aktiviti wakaf yang dirancang dan dana yang dikumpulkan akan lebih besar agar lebih ramai pelajar Muslim dapat dibiayai dengan dana tersebut. Bagi pengurusan permasalahan tadbir urus wakaf pendidikan tinggi pula, Marziana Abd Malib, Ruzin Markom dan Rusnadewi Abd Rashid (2015) telah mengutarakan keperluan mewujudkan satu badan pelaksana khusus yang menjaga dan bertanggungjawab terhadap wakaf pendidikan tinggi secara sepenuh masa di intitusi pengajian tinggi.

Berdasarkan kepada penguraian isu-isu yang telah diterangkan sebelum ini, maka terdapat empat elemen penting yang akan digunakan oleh pengkaji dalam meneliti dengan lebih lanjut berkaitan dengan pemerkasaan tadbir urus wakaf pendidikan tinggi Malaysia iaitu elemen pentadbiran, elemen perundangan, elemen pelaporan dan elemen penyertaan. Penelitian ini penting agar pelaksanaannya dapat ditadbir urus dengan lebih efisien dan sistematis untuk manfaat bukan sahaja kepada pembunganan dan pengurusan IPT tetapi yang terutamanya kepada pelajar miskin yang lebih memerlukannya.

## METODOLOGI

Bagi mencapai matlamat kajian yang telah dikemukakan sebelum ini, maklumat yang dikumpulkan melibatkan data primer dan data sekunder dengan menggunakan reka bentuk penerokaan dan deskriptif. Data primer diperoleh daripada temu bual mendalam terhadap sebelas orang informan yang terdiri daripada pengamal wakaf pendidikan tinggi, pihak MAIN, wakil KPT dan ahli akademik. Kajian tertumpu kepada tiga IPTA (Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)) dan tiga IPTS (Universiti College Bestari (UCB), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Kolej Insan Darul Ulum (KIDU)). Pemilihan keenam pengajian tinggi ini kerana telah melakukan wakaf universiti dalam membangunkan pendidikan di institusi masing-masing. Di samping itu, data sekunder pula diperoleh daripada penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu seperti buku, artikel, jurnal, tesis, laman sesawang dan sebagainya. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara analisis kandungan kualitatif.

## ANALISIS PANDANGAN PAKAR BERKAITAN TADBIR URUS WAKAF PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Hasil daripada temu bual mendalam di lapangan dan kajian kepustakaan telah dapat dikotegorikan beberapa elemen penting dalam melaksanakan pemerkasaan tadbir urus WPT di Malaysia. Antara elemen yang paling penting dalam melaksanakan WPT adalah terdiri daripada pentadbiran, perundangan, pelaporan dan penyertaan pihak berkepentingan. Penjelasan dan penganalisisan berhubungan dengan tadbir urus WPT lebih lanjut lagi dibincangkan seperti berikut.

Salah satu keperluan dalam pengurusan organisasi merupakan struktur pentadbirannya. Struktur organisasi pentadbiran wakaf di IPT perlulah mendapat sokongan daripada pelbagai pihak untuk melancarkan lagi pelaksanaannya kerana pentadbiran memainkan peranan yang penting dalam menentukan arah tuju sesuatu organisasi. Pentadbiran wakaf bergantung kepada kesesuaian pihak IPT


untuk melaksanakan sama ada sepenuhnya universiti wakaf atau pun sebahagian sahaja. Sekiranya sebahagian sahaja universiti wakaf, maka sebahagian sahaja tadbir urusnya perlu diwujudkan dalam satu unit pentadbiran untuk mentadbir dan menguruskan wakaf. Sebaliknya sekiranya pentadbiran wakaf sepenuhnya, universiti wakaf perlukan penglibatan sepenuhnya pihak MAIN dalam membuat pentadbiran dan pengurusan wakaf, kerana MAIN selaku pentadbir wakaf tunggal seperti dijelaskan dalam Enakmen Negeri. Kesesuaian pentadbiran ini dinyatakan oleh informan RWPT09 (Temu bual, 12 Januari 2016).

“Jikalau sebahagian sahaja tadbir urus wakaf seharusnya diwujudkan satu unit untuk mentadbir wakaf ini di IPT. Sebagai contoh universiti yang ke hadapan dalam wakaf ini seperti USIM dan pihaknya mendapat status sebagai *mutawalli* daripada pihak MAIN negeri Sembilan. Ia ada pusat wakaf sendiri dan ada juga projek wakaf sendiri seperti klinik wakaf. Manakala kalau sepenuhnya universiti wakaf perlu penglibatan pihak MAIN. Jikalau wujud universiti wakaf maknanya semua harta wakaf perlu didaftarkan atas nama MAIN. Sebagai contoh pihak Universiti Islam Antarabangsa (UIA), jikalau wakaf diletakkan atas nama UIA berdasarkan undang-undang tidak diterimalah tetapi berdasarkan kepada hukum syarak sah untuk maksud wakaf, cumanya dari sudut perundangan tidak sah kerananya akan menimbulkan masalah pengurusan pada masa akan datang. Contoh jikalau UIA bubar, harta wakaf ini pasti akan berpindah tangan dan akan dibuat urusan jual beli aset wakaf dan perkara ini tidak mahu berlaku. Jikalau berdaftar dengan pihak MAIN sudah pasti wakaf ini akan kekal dengan MAIN selagi mana ada bulan dan bintang”.

Berdasarkan kenyataan informan RWPT09 (Temu bual, 12 Januari 2016) tersebut jelas menyatakan jikalau universiti tersebut merupakan universiti wakaf sepenuhnya maka perlunya penglibatan pihak MAIN dalam pentadbiran dan kesemua harta wakaf perlulah didaftarkan dengan pihak MAIN agar tidak memberi kesulitan terhadap harta wakaf pada masa akan datang jikalau terdapatnya pertukaran status universiti tersebut. Dalam skop yang sama, pihak pentadbiran wakaf di IPT seharusnya mempunyai kerjasama yang erat antara pusat wakaf universiti dengan bahagian pelaburan universiti. Permasalahan yang berlaku sekarang ini, tiadanya kerjasama antara dua jabatan tersebut kerana diletakkan di bawah pentadbiran yang berasingan (RWPT11, Temu Bual, 23 Disember 2016). Jikalau kedua-dua jabatan ini diletakkan dalam satu pentadbiran, maka pengurusan wakaf di universiti lebih efektif dan efisien di samping dapat menjadikan wakaf sebagai agenda utama pihak universiti. Jikalau kedua-dua jabatan tersebut diletakkan di bawah satu bumbung maka pihak jabatan pelaburan universiti bolehlah memfokuskan pelaburan universiti, manakala jabatan wakaf pula memfokuskan pembangunan universiti. Kepakaran yang ada di universiti ini seharusnya dimaksimumkan kerana universiti mempunyai kepelbagaiannya bidang dan seharusnya mengambil peluang ini sebaiknya. Pendapat ini disokong juga oleh pengkaji lepas seperti Zakaria Bahari (2013); Siti Zakiah Ali dan Hairunnizam Wahid (2014); Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli dan Roslina Hashim (2015) serta Rohayati Hussin dan Rusnadewi Abd Rashid. (2015) yang turut memberi pendapat kesepakatan dan perkongsian kepakaran yang wujud dalam IPT seharusnya dimanfaatkan sebaik yang mungkin.

Keperluan kombinasi antara pihak universiti dengan pihak MAIN perlulah dieratkan agar pentadbiran wakaf dilaksanakan secara syariah di samping langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penyalahgunaan dana wakaf. Pihak IPT juga perlu ada struktur yang menguruskan penjanaan harta wakafnya sendiri di samping fokus terhadap gerak kerja wakaf secara lebih serius agar legasi selepas ini dapat memahami dan bertanggungjawab dalam pengurusan wakaf secara berterusan dan lestari (RWPT07, Temu bual, 7 Januari 2016). Walaupun begitu, keperluan untuk meletakkan satu struktur

tetap yang bersesuaian untuk dilaksanakan seharusnya bergantung kepada kesesuaian universiti itu sendiri (RWPT10, Temu bual, 21 April 2016). Berdasarkan temu bual penyelidik, unit wakaf telah diletakkan di bawah dua pentadbiran utama iaitu di bawah pengurusan pihak yayasan dan pihak Timbalan Naib Canselor (TNC). Tiga buah institusi yang terletak di bawah pengurusan yayasan ialah pihak KUIS, UKM dan UCB. Manakala pihak UPM, USIM dan KIDU pula terletak di bawah pengurusan pihak pentadbiran TNC. Sebagai contoh, struktur organisasi yang diletakkan di bawah pentadbiran yayasan adalah seperti pihak KUIS. Struktur organisasi wakaf di KUIS adalah seperti dalam Rajah 2.0.




**Rajah 2.0: Struktur Organisasi Wakaf KUIS**


Sumber: Raja Nor Ashikin Raja Ramli (2016)

Berdasarkan Rajah 2.0, pihak pengurusan wakaf KUIS diletakkan di bawah pihak pengurusan Yayasan KUIS. Pihak Yayasan KUIS bertanggungjawab dalam empat unit utama iaitu pengurusan dan kewangan, seksyen sumbangan dan wakaf, seksyen promosi dan publisiti dan seksyen pengurusan zakat KUIS. Pihak pentadbiran wakaf KUIS menjalankan pemungutan wakaf berdasarkan kebenaran pihak PWS dan masih belum mendapat status *mutawalli* dalam pengurusan wakaf di KUIS (RWPT05, Temu bual, 30 November 2015). Di UKM pula pihak yayasan canselor bergerak sebagai urus setia dalam pengurusan wakaf dan *endowment* di universiti terbabit serta penggunaan dan kelulusan dana akaun amanah UKM ini akan dipantau oleh satu Lembaga Pemegang Amanah (*Board of Director*) yang dianggotai oleh Canselor, Timbalan Naib Canselor, Bendahari, Pendaftar dan pakar bidang yang berkenaan. Contoh pentadbiran wakaf di bawah kelolaan pihak pentadbiran TNC pula adalah seperti di pentadbiran wakaf USIM (RWPT03, Temu Bual, 15 September 2016). Struktur organisasi wakaf USIM bolehlah dirujuk dalam Rajah 3.0.

Berdasarkan Rajah 3.0, pihak pentadbiran wakaf USIM diletakkan di bawah pihak pentadbiran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan perkara ini memberi kelebihan kepada pihak pentadbiran wakaf USIM kerana mempunyai akses terus kepada pihak TNC terutamanya dalam membuat keputusan tertentu berkaitan pembangunan wakaf universiti. Pihak USIM juga telah memperoleh taraf *mutawalli* daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri Negeri Sembilan (MAINS) dalam pengurusan wakaf pendidikan tinggi di IPT terbabit. Perkara ini memudahkan pihak institusi untuk merencana dan merancang pembangunan pendidikan yang berasaskan dana wakaf (RWPT03, Temu bual, 15 September 2016 & RWPT06, Temu bual, 14 Januari 2016). Berdasarkan enam IPT wakaf yang dikaji, penyelidik mencadangkan satu struktur organisasi pusat wakaf yang boleh diaplikasikan dalam pentadbiran universiti seperti dalam Rajah 4.0.



**Rajah 3.0: Struktur Organisasi Wakaf USIM**  
 Sumber: Mohammad Alias (2016)



**Rajah 4.0: Cadangan Struktur Organisasi Wakaf Pendidikan Tinggi di Universiti**

Berdasarkan Rajah 4.0, penyelidik mencadangkan pusat wakaf universiti yang diletakkan terus di bawah pihak Naib Canselor. Peletakan terus di bawah pihak pentadbiran tertinggi universiti sudah pasti memberikan kelebihan kepada pusat wakaf dalam merencana aktiviti dan perancangan pembangunan wakaf di universiti. Pusat wakaf seharusnya terdiri daripada gabungan ahli universiti dan pihak MAIN. Kerjasama, koordinasi dan tanggungjawab daripada kepelbagaian ahli yang terlibat dalam pihak pentadbiran dan pengurusan wakaf sudah pasti akan memberi kelebihan untuk memperkembang serta mengoptimumkan pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi di institut pendidikan tersebut. Peletakan pusat pentadbiran dan pengurusan wakaf di bawah TNC juga dapat menjadikan wakaf sebagai agenda utama pihak universiti dan pergerakan pusat wakaf dapat direncanakan dan dilaksanakan dengan sistematik dan optimum agar visi, misi dan objektif utama wakaf pendidikan tinggi ini dapat dicapai. Oleh itu, matlamat utama dalam pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini adalah dalam menunaikan amanah terutamanya pewakif dan hendak memastikan nilai ibadah wakaf itu dihayati sepenuhnya oleh mereka yang berkepentingan. Kefahaman yang betul dan adanya gerakan untuk membetulkan paradigma yang menyatakan pendidikan itu adalah suatu perniagaan hendaklah diperbetulkan.

#### i. Perundangan Wakaf di IPT

Berdasarkan dapatan temu bual, rata-rata jawapan daripada informan menyatakan perundangan wakaf sedia ada dapat melindungi aset wakaf pendidikan tinggi daripada dieksplotasi (RWPT01, Temu bual, 5 Januari 2016; RWPT02, Temu bual, 13 Januari 2016; RWPT03, Temu bual, 15 September 2016; RWPT04, Temu bual, 3 Januari 2016; RWPT05, Temu bual, 30 November 2015 & RWPT06, Temu bual, 14 Januari 2016). Hal ini adalah kerana Enakmen Wakaf Negeri sudah dapat melindungi aset wakaf pendidikan tinggi asalkan pihak universiti berdaftar dengan pihak MAIN. Keperluan terhadap perundangan wakaf ini sangatlah penting dan perlu diperkuatkan sebelum beroperasi kerana mengelakkan isu bidang kuasa serta perundangan. Jikalau wujudnya konflik sudah pasti menjaskan kepercayaan masyarakat terhadap pihak pentadbiran universiti dan MAIN. Kelulusan perundangan daripada pihak MAIN ini juga akan membuka ruang kerjasama yang lebih meluas antara pihak universiti dengan pihak MAIN dalam memperkembangkan lagi aktiviti wakaf pendidikan tinggi ini. Sebagai contoh, pihak pentadbiran KIDU dan UCB telah mendapat sokongan sepenuhnya dari segi perundangan wakaf negeri untuk melindungi aset wakaf sama ada dalam bentuk bangunan dan tanah wakaf (RWPT04, Temu bual, 3 Januari 2016 & RWPT06, Temu bual, 14 Januari 2016). Manakala informan RWPT10 (Temu bual, 21 April 2016) pula turut mengemukakan dua persepsi berkaitan perlindungan aset wakaf pendidikan tinggi ini.

“Apabila kita melihat undang-undang wakaf kita melihat kepada dua persepsi yang berbeza. Pertama, undang-undang yang dibuat oleh MAIN sebab kita kena faham MAIN ini bertindak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf. Contohnya jikalau UPM, tidak mengetahui akan maksud sebenar wakaf baru bolehlah merujuk kepada majlis fatwa. Walau apa pun berlaku undang-undang wakaf telah ada dan ini akan melindungi aset wakaf pendidikan tinggi daripada dieksplotasi kerana UPM terikat dengan undang-undang wakaf Selangor 2015 yang berkaitan dengan pemegang amanah, majlis fatwa dan sebagainya. Kedua, dalam konteks universiti kita ada Akta Universiti. Akta ini boleh digunakan untuk melindungi wakaf daripada eksplotasi. Oleh itu, pentinglah setiap harta wakaf itu perlu merujuk kepada MAIN bagi mendapatkan status *mutawalli* untuk pentadbiran dan pengurusan wakaf”.

Berdasarkan kenyataan informan tersebut, aset wakaf ini akan dilindungi oleh dua peruntukan perundangan sedia ada iaitu melalui Enakmen Wakaf Negeri dan juga Akta Universiti. Berdasarkan dua enakmen ini sudah pasti penyelenggaraan dan pentadbiran wakaf tidak dapat dieksplotasi dan disalahgunakan. Manakala, pihak pentadbiran KUIS pula telah mengikuti Enakmen Negeri Selangor dalam pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi (RWPT05, Temu bual, 30 November 2015). Enakmen sedia ada telah menegaskan pihak KUIS bertindak sebagai pihak yang membuat kutipan wakaf dan pihak Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) sebagai pemegang amanah wakaf. Walaupun begitu, wujudnya kerenah birokrasi dari segi pengeluaran resit kerana pihak PWS hanya memberi kebenaran pihak KUIS untuk membuat kutipan, tetapi pihak PWS yang bertindak sebagai pengeluar resit (RWPT05, Temu bual, 30 November 2015). Pengeluaran resit secara segera sangatlah penting dalam memberi kepercayaan kepada pewakaf sebagai bukti wujudnya pelaksanaan wakaf di institusi terbabit di samping pewakaf dapat menggunakan resit tersebut untuk tujuan tuntutan pengecualian cukai. Bagi pihak pentadbiran UCB dan USIM pula, pihak mereka telah mendapat penarafan *mutawalli* daripada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAINNS) dalam pengurusan wakaf (RWPT03, Temu bual, 15 September 2016 & RWPT06, Temu bual, 14 Januari 2016). Peruntukkan pelantikan *mutawalli* kepada pihak USIM ini adalah di bawah Seksyen 33 Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005. Seharusnya peruntukkan Enakmen MAINNS ini menjadi rujukan pihak MAIN untuk mempermudahkan penarafan *mutawalli* kepada pihak IPT. Pemberian taraf *mutawalli* ini juga menunjukkan kerjasama yang baik oleh pihak MAINNS dalam memperkembangkan wakaf pendidikan tinggi di Malaysia.

Walaupun begitu, terdapat informan RWPT07 (Temu bual, 7 Januari 2016) yang menyatakan wujudnya salah sangka terhadap kefahaman pemilikan ini. Pendapat beliau adalah seperti berikut.

"Saya tidak menafikan ada juga MAIN yang tidak dapat memahami sebagai prinsipnya berkenaan struktur pentadbiran undang-undang yang terlibat. MAIN seolah-olah menganggap wakaf tersebut merupakan haknya sehinggaakan apa jua yang ingin dilakukan perlu meminta persetujuan pihak MAIN. Tetapi kena balik kepada amanah dia iaitu kepada pihak IPT. Sebenarnya kedua-dua pihak perlu memainkan peranan dengan pihak MAIN bertindak sebagai pemegang amanah harta wakaf untuk memastikan pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi itu dilaksanakan sebaiknya. Pihak universiti pula memainkan peranan pentadbiran harta wakaf pendidikan tinggi tersebut. Sekiranya kedua-dua pihak tidak mahu menerima prinsip ini, kita kena pinda perlombagaan. Pindaan memang payah dilakukan dan apa yang boleh dibuat adalah memperkasa perlombagaan wakaf tersebut".

Berdasarkan kenyataan tersebut timbulah dua sebab berkaitan dengan mengapa pihak universiti mendaftarkan sumbangan kepada institusinya sebagai *endowment*, bukan sebagai wakaf (RWPT10, Temu bual, 21 April 2016). Pertama, pihak universiti melibat cabaran pendaftaran wakaf dengan pihak MAIN kerana wujudnya kerenah birokrasi dan banyaknya peraturan yang perlu diikuti di samping kesukaran dalam mendapatkan taraf *mutawalli* kerana pihak MAIN merasakan wakaf merupakan haknya dan taraf *mutawalli* ini tidak diturunkan kepada pihak universiti. Kedua, kurangnya kefahaman di peringkat tertinggi universiti kerana merasakan prinsip *endowment* dan wakaf merupakan perkara yang sama. Perkara ini turut disokong oleh informan RWPT11 (Temu bual, 23 Disember 2016) yang menyatakan pendapat seperti berikut.

"Perkara ini terjadi kerana persepsi terhadap MAIN yang melambatkan proses kerja dan tidak membantu pihak IPT untuk membangunkan wakaf serta pihak IPT juga menganggap bilamana diserahkan aset wakaf kepada pihak MAIN akan jadi hak milik MAIN".

Di samping itu terdapat pengurusan tertinggi institusi pendidikan tinggi lain yang menukar daripada sumbang wakaf kepada *Islamic Endowment* untuk mengekalkan statute kebebasan mentadbir dan menguruskan harta wakaf tersebut, sebab sekiranya dilabel pada wakaf, automatik ianya langsung dibawah seliaan MAIN. Perkara ini dibuat untuk mengelakkan daripada masalah keterlibatan wakaf universiti dengan pentadbiran MAIN yang dianggap menyulitkan di samping mengekal dan memperkembangkan sumbangan ini dalam rangka hukum syariah baik dalam pelaburan dan pengwujudan harta sumbangan baru.

Perbezaan kefahaman ini akan menghalang penjanaan dana serta pembangunan wakaf kerana tidak mempunyai tafsiran serta pemahaman yang sama dan perkara ini seharusnya diselesaikan agar pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini dapat dilaksanakan dengan lebih optimum. Berdasarkan isu tersebut maka terdapat dua cadangan dalam pemerkasaan perundangan wakaf untuk tujuan wakaf pendidikan tinggi. Pertama, keperluan perundangan khusus wakaf pendidikan tinggi yang memberi kebenaran penarafan *mutawalli* kepada pihak universiti. Keperluan ini dilihat sangat diperlukan memandangkan wujudnya ketidaksefahaman dalam pengurusan wakaf pendidikan tinggi antara pihak MAIN dan pihak universiti. Kedua, keperluan perundangan khusus dalam melindungi aset wakaf pendidikan tinggi. Walaupun perundangan wakaf negeri dan Akta Universiti telah diwujudkan, namun dengan pengkhususan perundangan yang mengawal selia pentadbiran wakaf dari segi kutipan, agihan, pelaburan dan pemasaran wakaf di universiti dilihat menjadi keperluan agar penyalahgunaan dana wakaf dapat dihindari. Penyeragaman wakaf ini juga penting kerana perundangan wakaf yang berbeza di setiap negeri akan memberikan gambaran yang mengelirukan kepada masyarakat umum. Di samping itu, peranan MAIN diperlukan untuk memeriksa dan memantau perjalanan wakaf universiti agar *check and balance* dapat dilakukan. Oleh itu, perundangan ini merupakan faktor yang penting untuk diteliti lebih lanjut kesan pelaksanaannya sama ada secara langsung ataupun tidak langsung agar memberi manfaat serta kebaikan kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan wakaf pendidikan tinggi ini dan harta wakaf dapat dilindungi dengan sebaiknya untuk kelangsungan generasi akan datang.

## ii. Pelaporan Wakaf di IPT

Pelaporan pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi di IPT yang terlibat amat penting kepada pihak yang berkepentingan terutamanya dalam kalangan pewakif dan masyarakat kerana mereka ingin mengetahui perkembangan dan kegunaan dana wakaf yang disumbangkan, di samping pihak yang terlibat (khususnya MAIN) akan memantau serta meneliti pelaksanaan yang telah dilakukan. Laporan ini juga penting sebagai medium penunjuk aras bagaimana pemegang amanah telah melaksanakan tanggungjawab mereka kepada pihak pewakaf. Seharusnya pelaporan ini mengandungi nilai-nilai seperti akauntabiliti, ketelusan dan efisien bagi menyampaikan maklumat berkaitan amanah yang telah diberikan. Sifat akauntabiliti ini wujud dalam sebuah organisasi untuk bertanggungjawab atas apa-apa yang telah dilakukan dan melaporkan perkembangan kepada pihak yang berkepentingan. Dalam Islam, sifat akauntabiliti ini terhasil dengan menekankan sifat amanah sebagaimana yang telah difirmankan Allah SWT.

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah SWT dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)” (al-Anfal, 8:27).

Ketelusan dalam pelaporan wakaf merupakan perkara yang sangat penting kepada pewakaf kerana telah mendapat kepercayaan penuh daripada mutawalli dalam menguruskan harta pewakaf dan ketelusan ini bolehlah diukur melalui medium seperti laporan tahunan dan pengauditan bagi membuktikan maklumat yang diberikan tepat dan telus yang mudah diakses dalam internat. Manakala nilai efisien juga dilihat amat penting daripada pelaporan bagi memastikan maklumat yang disampaikan lebih sistematik dan dapat memastikan dana wakaf dapat diuruskan dengan sebaiknya agar manfaatnya dapat dikekalkan sebaik mungkin dan berpanjangan. Dalam hal ini, pentadbir wakaf di Malaysia seharusnya memenuhi keperluan umum dalam penyediaan laporan dan proses pentadbiran yang telah ditetapkan. Agensi berauliah seperti Jabatan Audit Negara akan memastikan pentadbir wakaf telah melaksanakan proses dengan baik dan pemeriksaan bolehlah meliputi aspek seperti pengurusan organisasi, kewangan, pelaburan dan pengurusan aset. Berdasarkan perkara tersebut, pihak IPT perlu memaklumkan kepada pihak pewakaf dan pihak MAIN berkaitan perkembangan pelaksanaannya melalui laporan operasional dan kewangan dalam bentuk buletin atau pun laporan khusus secara bulanan ataupun tahunan kerana perkara tersebut membuktikan kepercayaan yang diberi oleh pewakaf telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin (RWPT08, Temu bual, 6 Januari 2016; RWPT09, Temu bual, 12 Januari 2016 & RWPT10, Temu bual, 21 April 2016). Terdapat pelbagai kaedah dan medium pelaporan yang digunakan oleh pihak yang bertanggungjawab melaporkan perkembangan wakaf pendidikan tinggi kepada pihak pewakaf agar memberikan impak yang lebih signifikan. Medium pelaporan ini kebiasaannya dilakukan menggunakan kaedah seperti laporan-laporan, media massa, edaran berita serta iklan dan melalui cerita dari mulut ke mulut dan melalui *on-line internate* pada bila-bila masa dan cepat di masakinikan. Berdasarkan dapatkan temu bual terdapat pelbagai pendapat berkaitan pengurusan pelaporan wakaf pendidikan tinggi ini.

Di pihak PTS yang dikaji, laporan lengkap mengenai perkembangan dan pelaksanaan wakaf pendidikan dikeluarkan kepada pihak yang berkenaan secara bulanan ataupun tahunan. Sebagai contoh, pihak wakaf KUIS dan UCB kebiasaannya akan melaporkan perkembangan wakaf kepada pihak universiti dan pihak MAIN sama ada pada hujung bulan atau pun secara tahunan serta masyarakat umum boleh mengakses laporan ini melalui internat (RWPT05, Temu bual, 30 November 2015). Di pihak KDU pula, masyarakat boleh mendapatkan maklumat daripada pihak bendahari KDU berkaitan perkembangan terkini projek wakaf yang telah dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan (RWPT04, Temu bual, 3 Januari 2016). Selain melalui pelaporan, pihak KDU, UCB dan KUIS menggunakan medium lain menyebarkan maklumat berkaitan pelaksanaan wakaf di IPT mereka seperti penglibatan ustaz menyebarkan maklumat wakaf sewaktu menyampaikan ceramah umum di masjid atau surau, melantik *wakalat* (wakil) untuk membuka ruang pameran, promosi melalui media massa seperti televisyen serta media sosial dan bekerjasama dengan pihak korporat seperti Pos Malaysia Berhad, Telekom Malaysia Berhad serta perbankan.

Manakala di peringkat wakaf universiti Awam pula, pihak pengurusan wakaf seperti UKM, UPM dan USIM akan menyediakan pelaporan sama ada secara bulanan ataupun tahunan kepada pihak pemegang amanah dan MAIN berkaitan bagaimana dana tersebut dikutip serta diagihkan dan masyarakat umum boleh mengakses maklumat tersebut di laman sesawang universiti terbabit (RWPT01, Temu bual, 5 Januari 2016; RWPT02, Temu bual, 13 Januari 2016 & RWPT03, Temu bual, 15 September 2016). Pelaporan ini sangatlah penting kerana ketidaktulusan dalam penyediaan laporan akan menyebabkan kepercayaan pewakaf dan masyarakat akan hilang dan menandakan tidak

berintegriti. Perkara ini turut disokong oleh pengkaji lepas seperti Nik Mohd. Zain Yusof dan Azimuddin Bahari (1999); Siti Mashitoh Mahamood (2006); Abu Bakar Manat (2007); Aminah Mohsin dan Mohammad Tahir Sabit Mohammad (2011); Najibah Mustaffa dan Mohd Zamro Muda (2014) dan Md Nurdin Ngadimon (2014) turut menyatakan keperluan pelaporan yang tulus, sistematis dan berteraskan Islam penting bagi melahirkan pentadbiran yang spiritual dalam pengurusan wakaf.

Bagi mengelakkan ketidaktelusan dalam pelaporan, maka pihak IPT yang terlibat telah melakukan pengauditan oleh audit dalaman universiti dan audit luaran yang telah dilantik oleh pihak universiti (RWPT01, Temu bual, 5 Januari 2016; RWPT02, Temu bual, 13 Januari 2016; RWPT03, Temu bual, 15 September 2016; RWPT04, Temu bual, 3 Januari 2016; RWPT05, Temu bual, 30 November 2015 & RWPT06, Temu bual, 14 Januari 2016). Pengauditan ini penting bagi menunjukkan akauntabiliti pihak universiti mentadbir urus wakaf pendidikan tinggi yang telah diamanahkan. Penulis berpendapat, pengauditan wakaf yang mencapai skor yang baik sudah pasti akan mempunyai sembilan ciri berikut. Pertama, objektif setiap elemen yang dinilai sentiasa dicapai dan memberi impak yang baik. Kedua, pematuhan sepenuhnya kepada undang-undang dan peraturan. Ketiga, pelaksanaan melebihi piawaian yang ditetapkan. Keempat, pengagihan tugas diberi dengan teratur, jelas dan seimbang. Kelima, kawalan dalaman keseluruhannya berkesan dan boleh dicontohi. Keenam, pemantauan/penyeliaan keseluruhannya berkesan dan boleh dicontohi. Ketujuh, ada melaksanakan inovasi bagi meningkatkan produktiviti kerja. Kelapan, tiada keperluan untuk ambil tindakan pembetulan. Kesembilan, boleh dijadikan penanda aras bagi jabatan dan agensi lain.

Walaupun begitu, pihak universiti wakaf masih belum mempunyai standard pengauditan wakaf pendidikan tinggi yang boleh dijadikan rujukan dan panduan (RWPT05, Temu bual, 30 November 2015). Begitu juga dengan standard pelaporan wakaf pendidikan tinggi yang masih belum wujud untuk dibuat panduan kepada pihak universiti. Oleh itu, penulis mencadangkan tiga kaedah pengauditan wakaf pendidikan tinggi yang boleh dilakukan. Pertama, pengauditan terhadap penyata kewangan untuk memberi gambaran sama ada penyata akaun wakaf pendidikan tinggi bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenai wakaf telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Kedua, pengauditan pematuhan untuk menentukan sama ada pengurusan operasional/kewangan di pusat wakaf pendidikan tinggi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Ketiga, pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti wakaf yang dilaksanakan dengan efisien, sistematis, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu, keperluan pelaporan wakaf pendidikan tinggi ini perlulah telus dan sistematis disampaikan kepada pihak yang berkenaan terutamanya masyarakat bagi meningkatkan kepercayaan dan membina perhubungan dua hala yang baik antara satu sama lain. Akhirnya pelaporan yang jelas berintegriti membolehkan pewakaf dan masyarakat melihat tadbir urus pihak *mutawalli*(institusi pengajian tinggi) menguruskan harta wakaf berlandaskan syariah.

### **iii. Penyertaan Wakaf di IPT**

Wakaf wujud daripada konsep bantu-membantu dan saling bergantung antara pihak pentadbir wakaf dan para penyumbang. Penglibatan dua hala ini akan memberikan rangkaian jaringan yang bermanfaat kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Berdasarkan kepada dapatan temu bual, walaupun pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi di IPT masih baru namun terdapatnya usaha-usaha di peringkat KPT telah melakukan kerjasama dengan masyarakat untuk membudayakan wakaf pendidikan tinggi bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan wakaf

kepada pihak sektor pendidikan tinggi (RWPT10, Temu bual, 21 April 2016). Pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini masih belum popular lagi namun sudah mula dikenali oleh masyarakat terutamanya di IPT yang dikaji oleh penulis memandangkan pelaksanaan wakaf di institusi tersebut sudah menjangkau usia empat kelima tahun. Walaupun penyertaan universiti masih belum secara menyeluruh tetapi penyertaan wakaf semakin terus meningkat dan berperingkat (RWPT08, Temu bual, 6 Januari 2016 & RWPT09, Temu bual, 12 Januari 2016). Namun, kempen wakaf pendidikan tinggi ini masih belum dilakukan secara menyeluruh dan sepenuhnya kerana masih kurangnya promosi wakaf pendidikan tinggi sama ada di televisyen serta akhbar dan kempen kepada wakaf ini perlulah dibuat di peringkat kebangsaan serta negeri dan di peringkat MAIN perlulah ada unit atau bahagian untuk pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini (RWPT11, Temu bual, 23 Disember 2016).

Berbanding dengan universiti di luar negara, pelaksanaan *endowment* yang cukup aktif ini melibatkan pihak universiti dengan masyarakat melalui alumni, staf-staf sedia ada dan sebagainya (RWPT10, Temu bual, 21 April 2016). Di luar negara, pihak universiti menggunakan laporan berkala bagi menerangkan perkara berkaitan dana diperoleh dan pengagihannya yang akhirnya dapat meningkatkan keyakinan penyumbang dan masyarakat terhadap pengurus *endowment* bagi menguruskan dana tersebut ke arah kebaikan. Perkara ini turut dinyatakan dalam dapatan kajian Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak dan Mohd Yahya Mohd Hussin (2014); Salwa Amira Awang Kartini Aboo Talib @ Khalid, Nidzam Sulaiman, Wan Kamal Mujani dan Ermy Azziaty Rozali (2015) yang mendapati pengumpulan dana *endowment* Universiti Harvard, Universiti Princeton, Universiti Stanford, Universiti Oxford dan universiti lain bermula daripada sumbangan derma alumni yang boleh dianggap berkesan kerana sumbangan kecil ini boleh menjadi sumbangan besar jika ia bersifat konsisten di samping pertubuhan bukan kerajaan dan syarikat swasta turut boleh digunakan untuk pengumpulan dana *endowment* ini. Selain itu, seratus peratus (100%) informan menyatakan pihak institusi bekerjasama baik dengan pihak masyarakat kerana perkembangan dan pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini semakin mendapat tempat dan masyarakat sudah semakin mempercayai pelaksanaan wakaf di IPT. Sebagai contoh, pihak UCB, KIDU dan USIM sendiri telah mendapat sokongan yang menggalakkan daripada pewakaf dan masyarakat sekeliling memandangkan masyarakat telah melihat perkembangan pelaksanaan dana wakaf di institusi terbabit di samping masyarakat turut terdorong dan mencari kaedah untuk berwakaf dalam wakaf pendidikan tinggi (RWPT03, Temu bual, 15 September 2016; RWPT04, Temu bual, 3 Januari 2016 & RWPT06, Temu bual, 14 Januari 2016).

Di KUIS pula, pihak institusinya telah mendapat sambutan yang baik daripada kakitangan dalam KUIS dan pihak wakaf KUIS juga telah mengadakan jelajah bagi menerangkan perkara berkaitan wakaf pendidikan tinggi KUIS. Pihak KUIS juga telah menggunakan ikon masyarakat iaitu penceramah terkenal Ustaz Don Daniyal Don Biyajid sebagai duta wakaf KUIS bagi menambah kepercayaan masyarakat sekeliling untuk menyumbang dalam wakaf pendidikan mereka (RWPT05, Temu bual, 30 November 2015). Masyarakat sekarang juga lebih gemar untuk berwakaf pendidikan berbanding wakaf am kerana boleh melihat ke mana hasil wakaf tersebut. Selain itu, pihak wakaf UPM pula lebih menumpukan warga UPM untuk berwakaf kerana hasil dana wakaf terkumpul jutaan ringgit sedia ada sekarang ini merupakan 93 peratus hasil daripada warga UPM sendiri (RWPT02, Temu bual, 13 Januari 2016). Walaupun begitu, penglibatan semua pihak ini perlulah dibina atas kesedaran yang betul dan pilihan untuk melaksanakan wakaf pendidikan tinggi ini bukanlah kerana kerajaan tidak mempunyai dana yang mencukupi tetapi dibina atas dasar masyarakat mencintai ilmu (RWPT07, Temu bual, 7 Januari 2016). Kenyataan informan adalah seperti berikut.

"Apabila sudah ada pendekatan yang betul di pihak kerajaan maka barulah akan datang kesedaran, barulah akan ada kekuatan di peringkat IPT dan masyarakat untuk membina ilmu. Tetapi jika kita tidak ubah paradigma yang mengatakan kita buat wakaf bertujuan hanyalah untuk mendapatkan dana maka pelaksanaan tersebut sebenarnya tidak betul atas sebab tujuan sebenar wakaf pendidikan tinggi ini melahirkan masyarakat yang cinta akan ilmu. Di peringkat IPT sendiri janganlah menggunakan hasil wakaf dengan melakukan apa-apa pembaziran dan melakukan program yang tidak manfaat jadi bagaimana pihak IPT hendak mendidik masyarakat dan membina persepsi yang baik kepada masyarakat. Jadi kena betul di peringkat wakaf. Kriteria perlu jelas dan membina atas dasar wakaf juga perlu jelas agar dapat bergerak seiring dengan pembangunan universiti terbabit".

Oleh itu, tujuan sebenar pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini bertujuan melahirkan masyarakat yang berilmu di samping kecintaan terhadap ilmu itu sendiri. Penglibatan semua pihak berkepentingan dalam pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini seharusnya dipertingkatkan dan diperluaskan lagi potensinya agar berkembang lebih meluas lagi. Perkar ini akan memberi peluang yang lebih banyak kepada masyarakat untuk menimba dan menuntut ilmu di peringkat yang lebih tinggi lagi.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, terdapat empat perkara utama yang memainkan peranan penting dalam memperkasakan tadbir urus wakaf pendidikan tinggi. Pertama, pentadbiran wakaf pendidikan tinggi di IPT seharusnya ditadbir di bawah kelolaan terus daripada pihak Timbalan Naib Canselor/Naib Canselor universiti kerana dapat terlibat terus dalam pengurusan sesuatu keputusan di samping ditadbir oleh pihak yang mempunyai kepakaran dalam wakaf. Kedua, perundangan wakaf di IPT seharusnya diseragamkan agar keputusan dan pentadbiran wakaf di semua IPT dapat diselaraskan. Ketiga, pelaporan wakaf seharusnya disediakan dengan lebih efisien dan sistematik kerana pelaporan yang efektif dapat meningkatkan keyakinan yang tinggi terhadap pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi di IPT. Keempat, penyertaan semua pihak masih belum menyeluruh kerana pelaksanaan penyeragaman ini masih baru dan memerlukan penglibatan semua pihak agar pelaksanaannya lebih optimum dan maksimum. Keempat-empat elemen ini perlu bergerak serentak agar pemerkasaan ini dapat direalisasikan.

Selain itu, dengan pengurusan tadbir urus yang lebih sistematik akan mengembangkan pelaksanaan wakaf secara lebih produktif yang akhirnya dapat memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya kepada pelajar dan pihak universiti. Namun begitu, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) perlulah merancang dengan lebih teliti agar manfaat wakaf pendidikan tinggi ini dapat dioptimumkan penggunaannya untuk tempoh jangka masa yang panjang. Oleh itu, pemerkasaan wakaf pendidikan tinggi ini seharusnya diaplikasikan dan dikembangkan potensinya kerana dengan pelaksanaannya telah banyak melahirkan institusi-institusi pengajian yang terbaik dan melahirkan ribuan ulama yang terkenal serta tersohor di seluruh dunia antaranya Universiti Al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Baghdad, Universiti Cordova di Andalus, Universiti Islam Indonesia, Pondok Pesantren Darunnajah, Indonesia, Madrasah Al-Junied, Singapura dan juga institusi-institusi pendidikan wakaf yang lain.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Sunny. (2007). Dana wakaf untuk pendidikan: satu tinjauan awal. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.1, No.2, 2007.
- Ahmad Zaki Abdul Latiff, Che Zuina Ismail & Norzaidi Mohd Daud. (2006, September). *Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam*. Kertas kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur.
- Aminah Mohsin & Mohammad Tahir Sabit Mohammad. (2011). Weaknesses of current capital raising, financing, and investment methods of awqaf (Islamic Trusts). *Proceedings of Economics Development Research (IPEDR)*, Bil 5. Singapore: IACSIT Press.
- Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil. (2013, Julai). Model perbankan wakaf korporat: analisa wakaf Selangor muamalat. Kertas Kerja Seminar Hasil Penyelidikan Ke 3, Kementerian Pengajian Tinggi di EDC Hotel, Universiti Utara Malaysia.
- Hasliza Talib, Nazneen Ismail & Nurzatil Ismah Azizan. (2014). Pembangunan dana wakaf: kajian di Perbadanan Wakaf Selangor. *Prosiding International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)* di Kuala Lumpur.
- Idris Jusoh. (2016). Pendidikan fleksibel. Ucaptama amanat Menteri Pendidikan Tinggi di Dewan Za'ba Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya pada 18 Januari 2016.
- Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md. Ariffin & Muhammad Ikhlas Rosele. (2013, September). Pemerkasaan wakaf di Malaysia: satu sorotan. Kertas Kerja 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013) di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.
- Khoo Kay Kim. (1980). *Perkembangan pelajaran agama Islam, dalam pendidikan ke arah perpaduan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (1999). *Konsep dan amalan wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia.
- Marziana Abd Malib, Ruzian Markom & Rusnadewi Abd Rashid. (2015). Wakaf pendidikan tinggi: urus tadbir dan sistem perundungan yang efektif dan efisyen menjamin kelestarian pelaksanaan wakaf, dlm Baharuddin Sayin (Eds). *Wakaf Pendidikan Tinggi Malaysia Satu Penantian*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara.
- Mokhtar Ismail, Mohd. Isa Mohd. Deni, Muna Sulaiman & Hairullfazli Muhammad Som. (2015). *Melestari ekonomi institusi pengajian tinggi Islam melalui wakaf*. Bangi: Pusat Pembangunan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Monzer Khaf. (1998, Mac). *Financing the development of awqaf property*. Kertas Kerja Seminar Development of Awqaf oleh IRTI di Kuala Lumpur.
- Muhammad Husni Hasbulah, Mohd Zaidi Daud & Mohammad Taqiuddin Mohamad. (2015). Peranan wakaf dalam mengukuhkan ekonomi Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015*. Penerbit Usuli Faqih Research Centre (UFRC).
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: satu sorotan literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Utm Press.

- Nik Mohd. Zain Yusof & Azimuddin Bahari. (1999). Kedudukan dan potensi pembangunan hartanah wakaf di Malaysia: satu penilaian, dlm. Nik Mustafa Nik Hassan (Eds), *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Nor 'Azzah Kamri, Suhaili Sarif, Nik Azimah Nik Li & Siti Mashitoh Mahamood. (2014). Tadbir urus wakaf pendidikan: mekanisme kod etika, dlm. Wan Kamal Mujani (Eds). *Pelestarian Institusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara*. Shah Alam: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Liana Abdul Munim & Siti Mashitoh Mahamood. (2014). Pembiayaan institusi pengajian tinggi menggunakan instrumen wakaf dalam konteks perundangan: suatu sorotan literatur, dlm. Wan Kamal Mujani Wan Kamal Mujani (Eds). *Pelestarian Institusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara*. Shah Alam: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli & Roslina Hashim. (2015). *Mekanisme wakaf sebagai instrumen pendidikan tinggi swasta: prospek dan cabaran Kolej Universiti Islam Melaka sebagai IPTS*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara.
- Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid. (2014, Disember). *Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: kajian awal*. Kertas Kerja International Conference on Postgraduate Research di Kuala Lumpur.
- Rohayati Hussin & Rusnadewi Abd Rashid. (2015). *Isu-isu berkaitan tanah wakaf halangan kepada pembangunan institusi wakaf pendidikan tinggi di Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2006). *Wakaf in Malaysia: legal and administrative perspective*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid. (2014, Oktober). *Peranan dan kepentingan dana wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) di Kuala Terengganu, Terengganu.
- Suhaili Sarif, Nor 'Azzah Kamri, Siti Mashitoh Mahamood & Muhamad Zaid Suhaiimi (2015). Komunikasi dan pelaporan sebagai mekanisme tadbir urus dan kemapanan wakaf pendidikan tinggi, dlm Baharuddin Sayin, Wakaf (Eds). *Pendidikan Tinggi di Malaysia Satu Penantian*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara.
- Zakaria Bahari. (2012). Pemerkasaan instrumen wakaf dalam pembangunan ekonomi. Pulau Pinang dalam Siri Kertas Kerja ISDEV, No. 38. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
- Zakaria Bahari. (2013), Disember). *Pembiayaan pembangunan pengajian tinggi: kes pembangunan wakaf kompleks ISDEV, Universiti Sains Malaysia*. Kertas kerja Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SeiPTI2013) di Bandar Sri Begawan, Brunei.